MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA AKADEMIK PENGAJIAN SISWAZAH UNIVERSITI (JAPSU) BIL.1/2015/2016

TARIKH : **22 September 2015 (SELASA)**
MASA : **10.00 PAGI**
TEMPAT : **BILIK MESYUARAT 3, SPS, UTM JB DAN BILIK MESYUARAT SPS KL, MENARA RAZAK, UTM KL**

	KEHADIRAN UTM JB	FAKULTI/JABATAN	S/K
1.	Prof. Dr. Zaidatun binti Tasir	Sekolah Pengajian Siswazah/ **PENGERUSI**	1/1
2.	Prof. Dr. Habibollah bin Haron	Fakulti Komputeran	1/1
3.	Prof. Madya Dr. Nor'Aini bt Aris	Fakulti Sains	1/1
4.	Prof. Madya Dr. Yusof bin Munajat	Fakulti Sains	1/1
5.	Prof. Madya Dr. Intan Zaurah binti Mat Darus	Fakulti Kejuruteraan Mekanikal	1/1
6.	Prof. Madya Dr. Wong Kuan Yew	Fakulti Kejuruteraan Mekanikal	1/1
7.	Prof. Madya Dr. Aminah binti Md Yusof	Sekolah Pengajian Siswazah	1/1
8.	Dr. Norasykin binti Mohd Zaid	Fakulti Pendidikan	1/1
9.	Prof. Madya Dr. Baharin bin Ahmad	Fakulti Geoinformasi dan Harta Tanah	1/1
10.	Prof. Madya Abdul Razak bin Ismail	Fakulti Kejuruteraan Petroleum dan Tenaga diPerbaharui	1/1
11.	Prof. Madya Dr. Ramli bin Awang	Fakulti Tamadun Islam	1/1
12.	Dr. Mohd Fauzi bin Abu	Fakulti Tamadun Islam	1/1
13.	Prof. Madya Dr. Norazman bin Abdul Majid	Akademi Bahasa	1/1
14.	Prof. Madya Dr. Mohammad Rafee bin Majid	Fakulti Alam Bina	1/1
15.	Prof. Madya Dr. Hairul Nizam bin Ismail	Fakulti Alam Bina	1/1
16.	Prof. Madya Dr. Redzuan bin Abdullah	Fakulti Kejuruteraan Awam	1/1
17.	Prof. Ir. Dr. Mohd Wazir bin Mustafa	Fakulti Kejuruteraan Elektrik	1/1
18.	Dr. Muhammad Nadzir bin Marsono	Fakulti Kejuruteraan Elektrik	1/1
19.	Prof. Madya Dr. Azli bin Yahya	Fakulti Biosains dan Kejuruteraan Perubatan	1/1
20.	Prof. Madya Dr. Ismail bin Said	Sekolah Pengajian Siswazah	1/1

21.	Dr. Mohd Shahizan bin Othman	Sekolah Pengajian Siswazah	1/1
22.	Prof. Dr. Nor Haniza binti Sarmin	Sekolah Pengajian Siswazah	1/1
23.	En. Asram bin Sulaiman @ Saim	Sekolah Pengajian Siswazah	1/1
24.	Puan Hajah Faridah binti Aziz	AMD	1/1

	KEHADIRAN UTM KL (SIDANG VIDEO)	FAKULTI/JABATAN	S/K
1.	Prof. Dr. Azizah binti Abdul Manaf	UTM AIS	1/1
2.	Prof. Madya Dr. Norihan binti Abu Hassan	UTM PERDANA	1/1
3.	Prof. Madya Dr. Astuty bt Amrin	UTM Razak	1/1
4.	Dr. Rohaida binti Basiruddin	UTM IBS	1/1
5.	Dr. Ooi Chia Yee	UTM MJIIT	1/1

	TIDAK HADIR DENGAN MAAF	FAKULTI/JABATAN	S/K
1.	Prof. Dr. Mohamad Kamal bin A. Rahim	Fakulti Kejuruteraan Elektrik	0/1
2.	Prof. Dr. Safian bin Sharif	Sekolah Pengajian Siswazah	0/1
3.	Dr. Khairiah binti Soehod	Fakulti Pengurusan	0/1
5.	Prof. Madya Dr. Norafida bte Ithnin	Fakulti Komputeran	0/1
6.	Prof. Madya Dr. Norhaliza binti Abd Wahab	Fakulti Kejuruteraan Elektrik	0/1
7.	Prof. Madya Dr. Kasturi Devi A/p Kanniah	Fakulti Geoinformasi dan Harta Tanah	0/1
8.	Dr. Siti Pauliena binti Mohd Bohari	Fakulti Biosains dan Kejuruteraan Perubatan	0/1
9.	Dr. Hasrinah binti Hasbullah	Fakulti Kejuruteraan Petroleum dan Tenaga diPerbaharui	0/1
10.	Prof. Madya Dr. Zainab binti Ramli	Fakulti Sains	0/1
11.	Prof. Dr. Othman bin Che Puan	SRAD	0/1
12.	Prof. Dr. Mohd Rosli bin Hainin	Fakulti Kejuruteraan Awam	0/1
13.	Prof. Madya Dr. Abdul Razak bin Rahmat	Fakulti Kejuruteraan Kimia	0/1
14.	Prof. Dr. Mohd Ghazali bin Mohd Nawawi	Fakulti Kejuruteraan Kimia	0/1
15.	Prof. Dr. Mohd Hasbullah bin Hj. Idris	Fakulti Kejuruteraan Mekanikal	0/1
16.	Prof. Dr. Ezzat Chan bin Abdullah	UTM MJIIT	0/1
17.	Prof. Madya Dr. Azlan bin Mohd Zain	Fakulti Komputeran	0/1
18.	Dr. Mohamad Shukor bin Talib	Fakulti Komputeran	0/1
19.	Prof. Madya Dr. Nazri bin Ali	Fakulti Kejuruteraan Awam	0/1
21.	Prof. Madya Dr. Khairur Rijal bin	UTM RAZAK	0/1

	Jamaludin		
23.	Prof. Madya Dr. Muhammad Sukri b. Saud	Fakulti Pendidikan	0/1
24.	Prof. Dr. Mohammed Rafiq bin Dato' Abdul Kadir	Fakulti Biosains dan Kejuruteraan Perubatan	0/1
25.	Prof. Madya Dr. Khalil bin Md. Nor	Fakulti Pengurusan	0/1
26.	Prof. Madya Dr. Shreeshivadasan a/l Chelliapan	Sekolah Pengajian Siswazah KL	0/1
27.	Prof. Madya Dr. Fauziah binti Sh. Ahmad	UTM IBS	0/1
28.	Dr. Rosmah binti Ali	UTM AIS	0/1

	TURUT HADIR	**FAKULTI/JABATAN**
1.	Prof. Madya Dr. Mohd Shahidan bin Abdullah	UTM AIS
2.	Cik Khairani Ibrahim	Pejabat TNCAA
3.	En. Mohd Fathi bin Sariman	SPS
4.	Puan Che Noorlia binti Shaari	SRAD
5.	Puan Intan Shahnaz binti Zulkifli	AMD
6.	Cik Norazlina binti Azizi	Urusetia
7.	Cik Syafiqah binti Abdul Jalil	Urusetia
8.	Cik Nor Aishah binti Mahdi	Urusetia
9.	Cik Nor Diyana binti Zakariya	Urusetia
10.	Puan Didy Zuraini binti Md. Noor	Urusetia
11.	En. Muhammad Azizi bin Omar	Urusetia

1.0 ALUAN PENGERUSI

1.1 Pengerusi mengucapkan terima kasih di atas kehadiran semua dan memulakan mesyuarat dengan bacaan surah Al-Fatihah.

Makluman

1.2 Pengerusi memaklumkan, mesyuarat JAPSU diadakan pada hari ini kerana ramai ahli JAPSU yang akan bercuti esok untuk menyambut hari raya Aidil Adha pada hari Khamis.

Makluman

1.3 Pengerusi meminta fakulti untuk menamakan staf untuk menerima tesis daripada SPS. Ini bagi memudahkan urusan dan mengelakkan tesis lambat diterima oleh pemeriksa.

Tindakan : Fakulti

1.4 Berhubung isu sepanjang permohonan hadiah akademik, Pengerusi JKTS mencadangkan agar TDA fakulti memberikan markah bagi pihak penyelia jika penyelia tidak memberikan markah bagi sahsiah dalam tempoh yang telah ditetapkan. Walau bagaimanapun, mesyuarat JAPSU tidak bersetuju dengan cadangan tersebut dan mengekalkan dengan penyelia memberi markah sahsiah pelajar kecuali bagi penyelia yang sudah pencen.

Makluman

1.5 Mesyuarat dimaklumkan bahawa calon-calon bagi penganugerahan hadiah akademik telah diperakukan di dalam Mesyuarat JKTS Khas tetapi belum boleh diumumkan kerana belum mendapat kelulusan daripada Senat.

Makluman

1.6 Mesyuarat dibentang statistik permohonan hadiah akademik seperti di lampiran 1.

Makluman

1.7 Mesyuarat dimaklumkan bahawa Kertas Kerja Bayaran Pemeriksaan Semula Tesis bagi proses semakan semula tesis telah diluluskan oleh Jawatankuasa Kewangan SPS dan juga LPU UTM. Ia berkuatkuasa mulai Semester 1, Sesi 2015/2016 dan fakulti diminta mengambil maklum.

Bayaran untuk semakan semula tesis bagi Phd ialah RM2,000 manakala untuk Sarjana pula RM1,000. SPS akan edarkan kepada pelajar pemakluman. Prosedur pembayaran belum dibincang dengan bendahari dan akan dimaklumkan kemudian.

Makluman

1.8 Mesyuarat dimaklumkan borang semakan abstrak telah dikemaskini dan telah digunakan mulai sesi 2015/2016.

Makluman

1.9 Mesyuarat dimaklumkan tentang slip pendaftaran kursus yang akan dikeluarkan oleh AMD untuk pelajar Sarjana. Pemakluman rasmi akan dibuat oleh AMD dalam waktu terdekat.

Makluman & tindakan AMD

1.10 Mesyuarat dimaklumkan tentang Sistem Online PGSS Structured Courses yang akan dibangunkan untuk memudahkan proses permohonan Structured Course melalui fakulti. Ia dijangka akan siap pada pertengahan Oktober 2015. TDA fakulti diminta untuk menguruskan permohonan program di dalam sistem dengan bantuan presiden PGSS fakulti. Taklimat akan diberi kepada presiden PGSS dan juga kepada ahli JAPSU sebaik sistem tersebut siap.

Menurut pengerusi, Akademi Bahasa berjanji untuk menghantar Structured Course tetapi sehingga ke hari ini masih belum diterima. Sehubungan itu, pengerusi memberi tempoh seminggu lagi jika masih tiada, Akademi Bahasa dianggap tidak menawarkan structured course.

Tindakan : SPS & Akademi Bahasa

1.11 Mesyuarat dimaklumkan, mesyuarat semakan CRR & PAR akan diadakan pada 30 September 2015. Fakulti diminta menyediakan dokumen CRR & PAR fakulti untuk mesyuarat tersebut. Dokumen CRR & PAR adalah untuk mixed mode dan taught course sahaja. Template dari QRIM telah pun diedarkan melalui emel oleh SPS.

Tindakan : Semua fakulti

1.12 Mesyuarat dibentang perangkaan graduan GOT 2015. Pengerusi mengucapkan tahniah kepada fakulti yang telah mencapai KAI graduan. Pengerusi mohon semua fakulti bersama-sama melihat dan berusaha meningkatkan GOT PhD.

Tindakan : Semua fakulti

1.13 Mesyuarat dibentang perangkaan graduan mengikut fakulti 2015.

Makluman

1.14 Pengerusi membentangkan graduan dan GOT Sarjana 2015 mengikut fakulti dan mengucapkan tahniah kepada FKK, FKM, FKA, FS, FM,FAB, UTM Razak dan UTM Perdana kerana telah mencapai sasaran.

Makluman

1.15 Pengerusi membentangkan perangkaan graduan mengikut fakulti 2015.

Makluman

1.16 Pengerusi membentangkan graduan dan GOT Phd 2015 mengikut fakulti. Pengerusi mohon fakulti berbuat sesuatu untuk menaikkan GOT pelajar tempatan.

Makluman

2.0 MELULUSKAN MINIT MESYUARAT

2.1 Mesyuarat bersetuju untuk meluluskan Minit Mesyuarat Jawatankuasa Akademik Pengajian Siswazah Universiti Bil. 12/2014/2015 dengan pembetulan seperti berikut:

- Prof. Madya Dr. Kasturi Devi A/p Kanniah - Fakulti Geoinformasi dan Harta Tanah (Hadir).

- Prof. Ir. Dr. Mohd Wazir bin Mustafa - Fakulti Kejuruteraan Elektrik (Hadir).

- Pembetulan pada nama Dr. Azli bin Yahya (bukan Yahaya).

Tindakan : Urusetia

3.0 PERKARA BERBANGKIT

3.1 Pengerusi mohon agar Mesyuarat Khas GA dibuat segera selepas Hari Raya Aidil Adha. Ini kerana ada baki dalam peruntukan GA yang boleh digunakan untuk bulan Oktober dan November 2015. Sehubungan itu, fakulti diminta untuk mencari pelajar yang memerlukan. Menurut pengerusi, penerima GA bagi semester yang lalu boleh disambung.

Tindakan : Unit BPB

3.2 Fakulti diminta meningkatkan GOT MYRAII yang masih rendah. Sehubungan itu, fakulti diminta merancang aktiviti-aktiviti untuk mencapai matlamat tersebut.

Tindakan : Semua fakulti

4.0 LAPORAN BAHAGIAN PENGURUSAN AKADEMIK (AMD)

4.1 Bahagian Pengurusan Akademik (AMD) membentangkan:

i. Urusan pendaftaran kursus Semester 1, Sesi 2015/2016.
ii. Urusan pendaftaran kursus berdasarkan peraturan akademik pengajian siswazah.
- Perkara 13 beban akademik.
iii. AMD membentang rayuan beberapa orang pelajar IBS 4/8 yang ingin menambah 3 kredit bagi membolehkan mereka GOT. Mesyuarat menolak rayuan pelajar dan pelajar perlu mendaftar pada semester hadapan.
iv. Statistik bilangan pelajar aktif, tidak daftar kursus Semester 1, sesi 2015/2016.
v. Jumlah pelajar aktif tidak daftar kursus mengikut fakulti.
vi. Perangkaan graduan bagi Majlis Konvokesyen ke 55.

4.2 AMD akan mengeluarkan surat peringatan kepada pelajar mulai 25 Oktober 2015 bagi pelajar aktif tetapi tidak mendaftar kursus bagi semester 1, Sesi 2015/2016. Pelajar diberi tempoh 14 hari untuk mengambil tindakan mendaftar kursus (berdenda), tangguh pengajian atau tarik diri pengajian. Jika tiada maklum balas, pelajar akan diberhentikan.

4.3 Majlis Konvokesyen UTM ke-55 akan diadakan pada 24 hingga 26 Oktober 2015. Pelajar yang disahkan bergraduan tetapi masih berhutang, tidak akan dijemput menghadiri Majlis Konvokesyen sehingga hutang dijelaskan.

Makluman

5.0 LAPORAN BAHAGIAN REKRUTMEN & PENGAMBILAN MAHASISWA (SRAD)

5.1 Bahagian Rekrutmen & Pengambilan Mahasiswa (SRAD) membentangkan:

i. Enrolmen mahasiswa pascasiswazah semester 1 sesi 2015/16.
ii. Ambilan semester 1 sesi 2015/2016 sehingga 17 September 2015 ikut fakulti.
iii. Ambilan semester 1 sesi 2015/2016 sehingga 17 September 2015 ikut kampus.
iv. Ambilan semester 1 sesi 2015/2016 sehingga 17 September 2015 ikut negara (*28 negara)
v. Enrolmen mahasiswa pascasiswazah semester 1 sesi 2015/16.
vi. Enrolmen pascasiswazah UTM sehingga 17 September 2015 (mengikut data RU).
vii. Enrolmen pascasiswazah UTM-ikut negara sehingga 17 September 2015 (mengikut data RU).
viii. Rumusan permohonan *intake* sehingga 22 September 2015.
ix. Surat tawaran yang dikeluarkan sehingga 22 September 2015 (Sem 1 Sesi 2015/2016).

5.2 SRAD memaklumkan bahawa Bengkel GSMS (Graduate Studies Management System) Pengurusan Pengambilan dan surat Tawaran Mahasiswa Pascasiswazah telah diadakan pada 14 September 2015.

5.3 SRAD juga memaklumkan bahawa Hari Informasi Pascasiswazah bagi Semester II Sesi 2015/2016 pada 14-15 November 2015 di UTM Kuala Lumpur manakala 7-8 November 2015 di UTM Johor Bahru.

Makluman

6.0 PERAKUAN PERLANTIKAN PEMERIKSA TESIS PELAJAR DOKTOR FALSAFAH

6.1 KEJURUTERAAN

Mesyuarat meneliti serta memperakukan pelantikan pemeriksa tesis pelajar Doktor Falsafah jurusan Kejuruteraan.

Makluman

6.2 SAINS DAN TEKNOLOGI

Mesyuarat meneliti serta memperakukan pelantikan pemeriksa tesis pelajar Doktor Falsafah jurusan Sains dan Teknologi.

Makluman

6.3 SAINS SOSIAL

Mesyuarat meneliti serta memperakukan pelantikan pemeriksa tesis pelajar Doktor Falsafah jurusan Sains Sosial.

Makluman

7.0 PERAKUAN PERLANTIKAN PEMERIKSA TESIS PELAJAR SARJANA (Makluman)

7.1 KEJURUTERAAN

Mesyuarat meneliti serta memperakukan pelantikan pemeriksa tesis pelajar Sarjana jurusan Kejuruteraan.

Makluman

7.2 SAINS DAN TEKNOLOGI

Mesyuarat meneliti serta memperakukan pelantikan pemeriksa tesis pelajar Sarjana jurusan Sains dan Teknologi.

Makluman

7.3 SAINS SOSIAL

Mesyuarat meneliti serta memperakukan pelantikan pemeriksa tesis pelajar Sarjana jurusan Sains Sosial.

Makluman

8.0 PERMOHONAN PEMBAHARUAN NOTIS HANTAR TESIS

8.1 Mesyuarat meluluskan permohonan pembaharuan Notis Hantar Tesis pelajar seperti berikut:

8.1.1 Mohammadhossein Saniedanesh (PK103132).
8.1.2 Nima Norouzi (PB103037).

Makluman

9.0 PERMOHONAN PERLANJUTAN MENGHANTAR PEMBETULAN TESIS

9.1 SYAFRINA BINTI ABDUL HALIM (PD113001)

Mesyuarat meluluskan permohonan perlanjutan menghantar pembetulan tesis Syafrina binti Abdul Halim (PD113001) selama dua bulan bermula 25 Oktober 2015.

Makluman

9.2 INTAN BIDAYU BINTI MOHD RAFI (MP113022)

Mesyuarat meluluskan permohonan perlanjutan menghantar pembetulan tesis Intan Bidayu binti Mohd Rafi (MP113022).

Makluman

10.0 PERMOHONAN PERLANJUTAN PENGHANTARAN TESIS UNTUK VIVA KALI KEDUA

10.1 NORUL ALIMA BINTI NORDIN (MP113014)

Mesyuarat minta permohonan perlanjutan penghantaran tesis untuk viva kali kedua Norul Alima binti Nordin (MP113014) dibawa ke Mesyuarat JAPSU yang akan datang kerana tiada surat sokongan dari fakulti.

Tindakan : Fakulti Pendidikan

11.0 PERMOHONAN PENGURANGAN YURAN STAF

Mesyuarat meluluskan permohonan pengurangan yuran staf pelajar Sarjana dan Phd. Walau bagaimanapun permohonan pengurangan yuran staf Phd bagi semester ini ditangguhkan pembentangannya ke mesyuarat yang akan datang kerana data yang kurang tepat.

Tindakan : TP SPS

12.0 HAL-HAL LAIN

Mesyuarat dimaklumkan bahawa pelajar tidak dimaklumkan tentang yuran yang tertunggak. Ini menyebabkan pelajar tidak mendapat undangan ke konvokesyen. Sehubungan itu , pihak AMD diminta berkerjasama dengan pihak Bendahari di masa akan datang agar isu seperti ini tidak berulang.

Tindakan : AMD

13.0 PENUTUP

Mesyuarat ditangguhkan pada jam 2.11 petang disudahi dengan Tasbih Kifarah dan surah Al-Asr.

Disediakan oleh:

CIK NORAZLINA BINTI AZIZI

Penolong Pendaftar Bahagian
Pengurusan Akademik &
Pentadbiran (Pentadbiran)

Sekolah Pengajian Siswazah

Disemak oleh:

ENCIK ASRAM BIN SULAIMAN @ SAIM

Timbalan Pendaftar

Sekolah Pengajian Siswazah